

ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN
PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN

OLEH

BORHANA MOHD. SHARIFF

LATIHAN ILMIAH INI DIKEPERKAKAN KEPADA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK

MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT-SYARAT

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN

KEPUJIAN DI JABATAN PERSURATAN MELAYU.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

1978/79

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah,
Yang pemurah lagi Maha Penyayang.

Saya bersyukur kehadiran Illahi kerana telah dapat menyempurnakan latihan ilmiah ini. Walaupun ia tidak sebaik mungkin, namun saya ingin merakamkan rasa terima kasih kepada mereka yang terlibat ^{dalam} usaha menjayakan latihan ilmiah ini. Sumbangan mereka begitu besar ertinya bagi saya.

Pertama-tama ucapan terima kasih ini ditujukan kepada penyelia saya Encik Ismail Hamid, yang telah bersusah payah memberi tunjuk ajar berupa nasihat, pandangan dan pemikiran-pemikiran yang saya sifatkan begitu bermanfaat. Dan kepada kedua ayah ibu dan keluarga, terima kasih atas galakan dan perangsang yang telah diberikan.

Kajian saya melibatkan pertemuan dengan beberapa orang tokoh adat di Rembau. Oleh itu, saya berterima kasih kepada bapa saudara saya Encik Omar b. Yassin yang telah bermurah hati melapangkan sedikit masa membawa saya menemui mereka. Setinggi-tinggi penghargaan saya persembahkan kepada tokoh-tokoh adat itu yang terdiri dari:

- a) Datuk Maharaja Inda Samad b. Hassan,
Datuk Lembaga suku Tanah Datar, sebelah baroh.
- b) Datuk Sri Maharaja Abu Kassim b. Abd. Rahman,
Datuk Lembaga suku Paya Kumbuh, sebelah darat.
- c) Datuk Perba Abdul Aziz b. Hussein, Ketua
Waris suku Biduanda.

Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada pihak Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka atas kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Tidak lupa juga kepada saudara Mastura bte Itam yang telah sudi menaipkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya jasa-jasa mereka tidak dapat saya lupakan.

Terima kasih.

Daripada,

Rohana Mohd. Shariff
Jabatan Persuratan Melayu
U.K.M., Bangi.

8 Januari, 1979

KANDUNGAN

					Halaman
Pengantar	***	***	***	***	11
Kandungan	***	***	***	***	111
BAB I	PENGANTARAN				1
	Shop dan objektif kajian	***	***		6
	Metode kajian	***	***	***	10
	Masalah kajian	***	***	***	11
	Latar belakang tempat kajian		***		13
BAB II	ROLA-ROLA KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH		***		
	Konsep pemimpin dan kepimpinan		***		26
	Konsep pemimpin dan kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih		***		30
	Syarat-syarat menjadi pemimpin		***		32
	Sifat-sifat pemimpin	***	***		34
	Pantang Larang Pemimpin	***	***		36
	Tugas-tugas Pemimpin	***	***		38
	Institusi Kepimpinan	***	***		39
BAB III	ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH				
	Definisi adat	***	***	***	54

**Proses perantikan dan pelaksanaan
 adat istiadat**

Buapak	000	000	000	56
Lembaga	000	000	000	60
Undang	000	000	000	74

BAB IV

**ADAT ISTIADAT PERANTIKAN DAN
 PERTABALAN YANG DIPERTUAN BESAR
 NEGERI SEMBILAN**

Kedudukan Yang Dipertuan Besar	000	87
Adat Istiadat Perantikan dan Pertabalan	000 000	94

BAB V

KESIMPULAN

Persamaan dan perbezaan dalam adat istiadat perantikan dan pertabalan antara Minangkabau dan Negeri Sembilan	113
Adakah Adat Perpatih bercorak Demokrasi?	000 000 126

LAMPIRAN

000 000 000	132
-------------	------------

SILABOGRAFI

000 000 000	133
-------------	------------

BAB LIMA

KESIMPULAN

Mengenai pengertian adat secara umum telah dibincangkan dalam bab-bab terdahulu yang termasuk juga konsep pemimpin, cara perantikan, adat istiadat serta kedudukan pemimpin-pemimpin tersebut dalam masyarakat adat Perpatih. Dalam bab penutup ini, antara lain akan saya rumuskan aspek-aspek di atas dalam bentuk perbandingan antara Negeri Sembilan dan Minangkabau. Secara kasar, pada dasarnya, Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah sama dengan yang ada dari tempat asalnya, kerana ia dibawa oleh peneroka-peneroka dari Minangkabau⁽¹⁾ dan jika ada kelainan, ini bererti berlaku pengubahsuaian dengan keadaan tempatan.

Istilah 'Perpatih' adalah merupakan nama seorang yang menyusun satu peraturan hidup dalam masyarakat subangsa Minangkabau khusus di daerah Sumatera Tengah sekarang. Bagaimana adat ciptaan Datuk Perpatih nan Sebatang tersebut sampai ke Semenanjung Tanah Melayu khususnya ke Negeri Sembilan? Dari sejarah, kita mengetahui kedatangan orang-orang Minangkabau khusus ke Negeri Sembilan merupakan satu proses yang berlangsung berabad-abad lamanya. Ia mungkin bermula sejak abad ke 14⁽²⁾ atau lebih awal lagi hasil dari timbulnya konsep

(1) Martin Lister, The Negri Sembilan, their Origin and Constitution. Government Printing, Singapore, 1886 (JSEHAS, Vol XIV, 1887).

(2) M.D. Mansoor, Minangkabau dan Negeri Sembilan. Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan dalam Kertaskerja Seminar Pensejarahan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan, 10-12 April/hal.11.

'merantau' di kalangan mereka.

Secara berkumpul kecil, mereka merantau dan hidup berkampung-kampung mengikut kampung asal masing-masing. Peneroka-peneroka pertama yang datang pada amnya berasal dari Luak 50 Kota seperti Paya Kumbuh, Seri Lemak dan Mungkal dan dari Luak Tanah Datar seperti suku Tanah Datar. Kedua luak ini bersama luak Agam merupakan daerah-daerah pendalaman⁽¹⁾ di mana penduduk-penduduknya menganuti Adat Perpatih yang tulin. Sistem peraturan hidup inilah yang dibawa oleh mereka dan menjadi undang-undang tidak bertulis⁽²⁾ di Negeri Sembilan dengan sebutan Adat Perpatih juga. Kemudian dalam perkembangan selanjutnya, Adat Perpatih ini berkembang melalui jalannya sendiri

akibat perkembangan se tempat dan diubahsuaikan dengan keadaan dan iklim di sekitarnya. Sehingga kini, kebudayaan Negeri Sembilan termasuk pengalaman segi adat, bahasa sehari-hari, seni bangunan, sistem asalnya, maka berarti 'wawasan' sebagai sumber kekuatan politik dan sebagainya mengandungi unsur-unsur kebudayaan Minangkabau, tetapi bukan dalam bentuk yang tulin lagi.

Dalam usaha untuk membandingkan aspek pemimpin masyarakat Adat Perpatih baik di Negeri Sembilan maupun di Minangkabau, persoalan

yang pertama-tama ujud ialah tentang istilah-istilah Undang, Lembaga

(1) P.E. Josselin De Jong, Minangkabau dan Negeri Sembilan The Hague, 1931.

(2) Abdullah Siddik (Dr), op cit, hal. 113.

dan Buapak tidak akan kita temui di Minangkabau kerana di Minangkabau, pemimpin masyarakat hukum adat di sana lazimnya disebut Penghulu. Di Negeri Sembilan, istilah penghulu hanya digunakan untuk pemimpin-pemimpin di luak Tanah Mengandung sahaja. Namun demikian, kedudukan dan fungsi mereka masih tetap sama. ^WUjud persamaan dalam panggilan terhadap pemimpin-pemimpin tadi. Secara 'am, semua pemimpin bergelar 'Datuk'. Tapi ada sedikit pengkhususan gelaran di Minangkabau. Contohnya, di daerah pesisir dan Rantau, Penghulu bergelar 'Raja' dan di Periaman, dikenali sebagai 'Sidi', 'Sutan' dan 'Bagindo'. Selain itu, ada gelaran-gelaran lain seperti 'Nan Gadang', 'bosa' dan 'bertuah'.

Contoh lain ialah pengertian istilah suku. Terdapat kelainan tentang istilah ini di Minangkabau dan Negeri Sembilan. Dalam istilah asalnya, suku bererti 'seperempat' kerana menurut struktur kerajaan Minangkabau, mereka berasal dari empat suku iaitu Budi, Caniago, Koto dan Piliang. (2) Di sini timbulnya kelainan kerana pengertian istilah sekarang sudah jauh terpesong dari istilah asalnya. Di Negeri Sembilan, suku membawa pengertian; nama satu kaum mengikut nama tempat asal

(1) M.D. Mansoor (Dr), Sejarah Minangkabau, Ehratora, Djakarta, 1970, hal. 9.

(2) H. Mohammad Hatta (Dr). Kata Sambutan Pada Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau di Batu Sangkar - "Panitia Seminar Sedjarah dan Kebudayaan Minangkabau", Padang 1970, hal. 21.

mereka di Minangkabau. Umpamanya, jika mereka datang dari Tanah Datar, Kampung yang diteroka, diberi nama suku Tanah Datar. Berbeza dari Negeri Sembilan, suku di Minangkabau mempunyai pengertian lain iaitu golongan manusia yang berasal dari satu keturunan yang disusur galurken menurut nisab ibu. Seorang sarjana Indonesia ⁽¹⁾ pernah mengatakan suku di Minangkabau adalah;

"Kesatuan kelompok manusia yang terkecil di Minangkabau adalah ibu dengan anak-anaknya; anak-anak itu namanya seibu dalam bahasa daerah Satuande atau Semandai. Yang mengepalai unit ini bukan bapak dari anak-anak, melainkan saudara laki-laki dari siibu, umumnya yang tertua. Anak daripada saudara perempuannya itu adalah kemandakannya, dan oleh anak itu dipanggil mamak. Kesatuan ibu anak ini hidup dalam satu rumah bersama. ⁽²⁾

Oleh yang demikian, suku di Negeri Sembilan menunjukkan daerah sementara di Minangkabau memperlihatkan keturunan. Pemimpin di peringkat perut di Minangkabau dinamakan Tungganai, tidak menyerupai panggilan di Negeri Sembilan iaitu Bapak tapi menduduki taraf yang sama. Dari semua mamak dan Tungganai dalam kampung dipilih salah seorang dari mereka untuk menjadi Penghulu. Apabila beberapa kampung bergabung dan penduduknya terdiri dari berbagai suku, maka ia mengadakan suatu kesatuan wilayah yang disebut Negeri dan tertakluk

(1) M.A. Manafiah, (Prof) Tinjauan Adat Minangkabau, 1970, hal 26 - 27.

(2) Rumah tersebut lebih terkenal dengan gelaran Rumah Gadang. (ibid. hal. 42).

pula di bawah pemerintahan Dewan Penghulu. Struktur territorial demikian jika di Negeri Sembilan dinamakan luak dan berada dalam pemerintahan Datuk Undang. Dari sini, kita dapat melihat antara Penghulu dan Undang, tidak ada perbezaan, begitu juga kekuasaan mereka. Masing-masing menerima bantuan, di Negeri Sembilan, Jemach Ketua Adat membantu Undang sementara di Minangkabau, pembantu Penghulu terdiri dari Penangkat, imam-khatib, nanti, malin dan hulubalang (dubalang). Mereka ada pengkhususan tugas tertentu seperti dalam ugama, adat istiadat, hal ehwal pemerintahan dan menjaga keselamatan negara. Walaubagaimanapun, Penghulu atau Undang berkuasa mutlak, mempunyai rakyat dan daerah tersendiri.

Di Negeri Sembilan, pengkhususan tugas sedemikian tidak ada.

Peranan ketua-ketua adat hanya jelas dalam upacara melantik pemimpin yang baru.

Persamaan dan Perbezaan dalam Upacara Melantik Pemimpin Baru

Menurut kebiasaan, seorang pemimpin terlantik bila kedatangan pemimpin lama meninggal dunia atau terpecat. Dalam jangka masa tertentu, mereka berusaha mencari ganti yang baru. Di Minangkabau, proses ini dinamakan 'bertegak penghulu' atau 'bertegak gadang'. Dari penelitian saya terhadap cara perlantikan dan adat istiadat, memang ada persamaan dan perbezaan antara di Negeri Sembilan dan

Minangkabau.

Persamaan yang ^Wajud terletak pada penentuan ini di mana syarat, sifat dan pantang larang seorang pemimpin adalah menyerupai sebagaimana yang terdapat di Negeri Sembilan (telah diuraikan di bab kedua). Cuma masyarakat di Minangkabau meletakkan faktor kekayaan sebagai syarat utama kerana mereka beranggapan seorang pemimpin tidak harus menyusahkan anak buah. Menerusi kenyataan di bawah ini, kita dapat melihat bagaimana faktor tersebut ditekankan,

"Seorang pengulu harus dapat menunjukkan tanah dan rumah pusakanya. Ia mempunyai 'regalia', tanda-tanda kebesaran sebagai pengulu iaitu saluk (daster), baju dan seluar yang bersulam emas, keris tongkat, terompah kulit bergulam besang emas dan perak dan sebagainya. (1)

Walaupun sekatan manusia syarat yang dikenakan, seorang pemimpin harus memahaminya dan tunduk pada peraturan-peraturan yang ditetapkan. Di sini, memperlihatkan keteguhan ekonomi itu merupakan faktor utama penting supaya dapat mengujutkan pemimpin yang sempurna baik dari segi material maupun spiritual. Di Negeri Sembilan, syarat sempurna ini tidak menjadi perhatian utama. Memedai pemimpin itu menduduki strata sosial yang sedikit dari masyarakat sekeliling.

Lagipun sudah sedia ternaklaim bahawa bakal-bakal pemimpin seharusnya

(1) M.D. Mansoor, Sejarah Minangkabau, hal. 10.

menyedari diri mereka benar-benar layak atau dalam ertikata lain dia berpengaruh di kalangan anak buah.

Dalam rangka susunan metode perlantikan, kedua negara menetapkan bahawa asas pemilihan calon pemimpin bergantung pada konsep kebulatan suara di samping menurut giliran perut yang berhak mewarisi jawatan pada masa itu, dikira dari nisab ibu. Dengan ini terbukti bahawa mereka berpegang pada prinsip yang sama iaitu kebulatan suara dan giliran perut.

Sanada di Minangkabau atau di Negeri Sembilan, proses pertama ke arah melantik pemimpin baru ialah mencari giliran. Pemilihan calon pemimpin berteraskan pada anggota dari perut yang berhak. Misalnya di Rembau hanya perut Lela Maharaja dan Sedla Raja yang berhak mewarisi jawatan Undang. Di Minangkabau, calon yang layak terdiri dari mereka yang warisnya telah pernah menjadi penghulu dan berstatus tinggi dalam masyarakatnya dan dapat menunjukkan diri dan sifat sempurna sebagai seorang pemimpin.

Jika dalam peringkat mencari giliran, kedua negara memegang prinsip yang sama tapi dari segi pelaksanaan sehingga calon-calon itu terlantik, saya rasa terdapat banyak perbezaan kerana ia melibatkan beberapa upacara adat lain. Di peringkat awal, untuk mengetahui latar belakang calon, Lembaga Jemaah Pemilih mengadakan

temuduga ke atas calon. Di Minangkabau, cara begini tidak ada tapi sebaliknya ada upacara lain yang dinamakan 'mengisi adat'.⁽¹⁾ Calon pemimpin dikehendaki mengisi adat berupa pembayaran wang dua kupang (1 rupee). Wang ini dibahagi di kalangan penghulu yang hadir. Dalam konteks masakini, pembayaran wang adat dimaksudkan sebagai mengisi kertas pencalunan atau surat permohonan.

Sesungguhnya, proses mencari ganti ini di Minangkabau lebih kompleks dari Negeri Sembilan kerana melibatkan peranan yang lain pula bagi seorang penghulu. Dia mesti menyembahkan perkara perlantikan itu ke pihak negeri melalui 'upacara berpidato' bertujuan untuk memberitahu orang ramai. Upacara ini dinamakan 'menegakkan pusaka'.⁽²⁾ Dalam penentuan seorang calon sahaja yang benar-benar layak, di Negeri Sembilan anggota Jemaah Pemilih terdiri dari Datuk Lembaga membuat keputusan tapi di Minangkabau, tidak terdapat satu badan yang resmi. Oleh itu keputusan bergantung pada tabulatan suara penghulu dari daerah lain yang menganggotai Dewan Penghulu setelah masing-masing bersetuju meluluskan surat permohonan calon. Dengan pengisytiharan nama pemimpin yang baru, ini bererti peringkat pertama dalam adat istiadat perlantikan telah berakhir.

(1) A.M. Datuk Maruhun Batuah, Hukum Adat dan Adat Minangkabau, Penerbit N.V. Poesaka Aseli, Djakarta, 1957 hal. 22.
(upacara mengisi adat disebut juga 'lilin embalu').

(2) Ibid, hal. 22.

Dari gambaran di atas, proses mencari kelayakan calon di Minangkabau lebih rumit dari di Negeri Sembilan. Rumit dalam erti-kata ada upacara lain yang terlibat sedangkan di Negeri Sembilan, proses temuduga merupakan perkara biasa dalam pemilihan. Kegagalan sering berlaku apabila mereka tidak mengisi adat dengan betul seperti juga calon di Negeri Sembilan gagal kerana tidak berpengalaman luas ataupun didapati kecacatan pada tubuhnya. Pada tanggapan saya, cara pemilihan secara temuduga lebih berkesan kerana para pemilih dapat melihat lebih dekat personaliti bakal pemimpin itu. Berbanding dengan di Minangkabau, latar belakang calon hanya diketahui menerusi penelitian dari borang permohonan sahaja.

Tapi dari satu segi lain, pelaksanaan peranan Penghulu di Minangkabau lebih berjaya dari di Negeri Sembilan, kerana ada pemangku Penghulu sebagaimana berlaku di Johol (Negeri Sembilan) Baginda Tan Mas berperanan sebagai pemangku Undang. Pemangku Penghulu di Minangkabau dikenali sebagai Penangkat bergelar 'Batuk Mada'. Dia yang akan menjadi penghulu secara otomatik apabila Penghulu Tua meninggal dunia. Penangkat dilantik pada hari yang sama dengan Penghulu baru tapi tidak menjalani upacara adat yang khas. Jadi, berdasarkan latihan-latihan yang diterima sebelum menjadi Penghulu yang sebenarnya, itulah yang menjadikan saya cenderung untuk mengatakan kepimpinan di Minangkabau lebih berjaya dari Negeri Sembilan. Maknanya sebelum menjadi penghulu, dia

telah mengetahui tugas-tugas yang akan dijalankan.

Setelah perlintikan resmi diterima, tanpa menerima pengiktirafan dari anak buah dan pembesar lain, kedudukan Penghulu atau Undang berarti belum kukuh. Dalam hal ini, kedua negara masih memperlihatkan persamaan. Kalau di Negeri Sembilan, diadakan upacara penyembahan tapi di Minangkabau upacara ini disebut adat permedanan dan menjamu. Antara kedua adat inipun banyak menunjukkan kelainan. Alat kebesaran seperti gong dan merua masih digunakan. Sesuatu yang menarik perhatian saya di Minangkabau ialah upacara permedanan. Upacara ini mengkehendaki penghulu-penghulu mereka berpidato kepada anak buah berupa huraian tentang keindahan adat dan alam Minangkabau. Upacara berlangsung di tengah padang luas, di hadziri oleh anak buah yang dudu di keliling kawasan tersebut. Ini bertujuan untuk menguji sejauhmana seorang pemimpin mengetahui tentang adat.

Apa yang aninya pada hari tersebut, anak buah mesti menghulurkan sumbangan pada penghulu dalam apa bentuk sekalipun. Misalnya, ada yang memberi makanan, binatang ternakan seperti kuda dan sebagainya, kerana perkara ini menjadi tuntutan adat. Sebagai tanda kerjasama erat antara anggota masyarakat dalam negeri, tiap anggota mesti makan bersama dalam piring besar ketika upacara menjamu. Begitu juga di Negeri Sembilan, perkara yang menjadi tuntutan adat ialah penyembahan dari anak buah dan pembesar sebagai satu cara untuk menunjukkan rasa penerimaan dan persetiaan masing-masing.

Tapi, di Minangkabau, suasana demikian sama sekali tidak ^Wujud. Kedudukan dan jawatan pemimpin baru itu hanya sah selepas dia menjalani adat bersalin baju. Istiadat ini melambangkan pemindahan kuasa dari pemimpin lama ke pemimpin baru. Barang yang jadi tukaran hak milik antara mereka berupa alat kebesaran seperti daster dan keris. Menurut kebiasaan, pada hari pengisytiharan, penghulu tua akan meletakkan daster bernama 'Daster Berut Kerbau' ke kepala penghulu baru dan menyisipkan keris di pinggangnya. Penghulu tua akan berwasiat kepada anak buah supaya menerima penghulu baru dan menegur sekiranya dia melakukan kesalahan.

Implikasi dari gambaran upacara adat seperti 'adat permedanan dan menjamu' serta 'adat bersalin baju' seperti juga adat penyembahan di telapak dan teratak di Negeri Sembilan, dapat dilihat bagaimana keiratan hubungan antara pemimpin dengan orang yang dipimpin. Pemimpin tidak boleh berdiri sendiri tanpa bantuan dari orang lain. Oleh yang demikian, mereka saling bekerjasama, untuk mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakatnya. Dan ada unsur-unsur demokrasi di situ. Ini dapat dikesan menerusi kekuasaan anak buah yang boleh memecat pemimpin sekiranya kedapatan kesalahan yang dilakukan.

Seperkara lagi yang tidak dapat dinafikan ialah keperluan perbelanjaan yang banyak untuk mengadakan upacara tersebut. Tapi di kalangan masyarakat adat Perpatih samada di Negeri Sembilan atau

Minangkabau, menghadapi masalah kekurangan wang untuk tujuan itu tidak pernah timbul. Mungkin kerana masing-masing merasa berkewajipan untuk memenuhi tuntutan adat, warisan dari nenek moyang. Jadi, tidak boleh tidak, mesti dilakukan, tambahan pula upacara itu berlangsung dalam jarak masa yang lama kerana kebanyakan jawatan merupakan jawatan seumur hidup. Sebagai kesimpulan, dalam proses pergantian pemimpin baru, aspek yang bersamaan ialah mencari diliran dan upacara pengesahan. Kelainan cuma terdapat pada cara perlaksanaan saja di mana kedua negara punya cara tersendiri dan agak kompleks.

Perbandingan dalam cara pergantian antara dua negara tadi, jelas menunjukkan perubahan dalam beberapa aspek tertentu, dan tidak terkecuali juga ada yang masih kekal. Pada praktik^{nya}, tidak ada perubahan yang berlaku seratus peratus malahan aspek yang masih kekal itu kemudiannya akan menjadi suatu persambungan (continuity). Agak tidak keterlaluan, jika dikatakan, Adat Perpatih di Negeri Sembilan merupakan persambungan kebudayaan Minangkabau di daerah ini. Perlu diingat, saya hanya melihat dari aspek pemimpin dan kepimpinan sahaja.

Mengikut teori, perubahan mudah berlaku bila sesuatu yang dibawa itu bersesuaian dengan pihak penerima. Jika penerima menghormati pihak pembawa yang mungkin berkedudukan lebih tinggi dari pihak penerima, maka inovasi yang dibawa itu akan diterima

tanpa banyak persoalan. Kalau diaplikasikan tiori di atas, kepada adat Perpatih, kenyataan tersebut sudah jelas kebenarannya. Kerana mereka belum ada satu cara hidup yang tertentu di samping memandang orang Minangkabau berstatus lebih tinggi dari mereka dan membawa satu peraturan hidup yang baik, maka penduduk Negeri Sembilan dengan senang hati menerima adat Perpatih itu. Tapi tidak keseluruhan adat kerana mereka masih meneliti aspek-aspek yang boleh atau tidak dipraktikkan pada masa itu. Pada masa inilah, proses tapis manapis berlaku sehinggalah tercipta bentuk Adat Perpatih seperti yang ada sekarang ini di Negeri Sembilan.

Umpamanya dalam adat istiadat perlantikan di atas oleh kerana adat permedanan agak sukar dilakukan oleh masyarakat tempatan, maka mereka menggantikan adat ini dengan mencipta upacara adat lain yakni upacara penyembahan di telapak dan teratak. Di sinilah letaknya perubahan. Sementara, proses lain seperti mencari giliran masih lagi kekal. Ini kerana cara perlaksanaannya dapat diikuti dan objek yang jadi tiruan itu memang sedia ada dalam masyarakat tempatan. Konklusi saya, selagi sesuatu masyarakat sedia menerima perubahan, selagi itu perubahan tetap berlaku kecuali jika tidak boleh dipraktikkan oleh kerana timbul ketidak suaian dengan situasi.

Mengikuti pelaksanaan adat istiadat cara perlantikan itu, kita dapat merasakan suatu keunikan dalam Adat Perpatih. Dari segi

logiknya, menurut ukuran zaman sekarang, adat tersebut memang tidak diterima umum kerana tidak meninggalkan kesan yang berfaedah untuk masyarakat. Saya kira, adat dilakukan semata-mata bertujuan untuk memenuhi tuntutan adat dan mengagungkan kedudukan pemimpin. Tidak ada fungsi yang lebih bererti di sebelah pelaksanaan upacara-upacara tersebut. Satu hal yang mengkejutkan, kita dapat lihat keiratan hubungan antara pemimpin dan rakyat (anak buah). Mereka paling perlu memeriui antara satu sama lain walaupun tidak secara langsung, ia memperlihatkan ciri-ciri feodalisme.

Adakah Sistem Adat Perpatih Bercorak Demokrasi?

Kita sering dihadapkan dengan persoalan di atas yang berupa suatu tanda tanya yang agak sukar untuk kita memberi jawapannya dengan tepat. Tapi, meneliti dari hasil kajian para sarjana barat dan penulis tempatan sendiri, kita dapat melihat betapa persoalan di atas sudah menguam jalan penyelesaian meskipun tidak ada keselarian dalam pendapat. Dalam banyak hal, para sarjana lebih berseutu untuk mengatakan bahwa sistem pemerintahan Adat Perpatih itu memenuhi ciri-

ciri demokrasi. Kalau tidak masakan seorang sarjana barat (1) penulis

(2) Sharad Kari M. Karmachari, seorang profesor di Dept of Sociology dan Anthropology, F.R.I. Dangi, Seisapur.

"The Adat Perpatih is democratic, it address
(3) (4) Itself to the commons and finds expression in
quaint sayings that seem to belong to the
heavily province of proverbial philosophy".

(1) Wilkinson R.J., 'Malay Law' op cit, hal. 7.

Bahkan seorang penulis tempatan juga pernah berkata, ⁽¹⁾

"Bahawasanya falsafah hidup Adat Perpatih itu didasarkan kepada 'Demokrasi' dan 'sosialisma', tiddalah pihak yang akan sanggup menyangkal dan menepikannya".

Mungkin ada kebenaran pendapat di atas. Tapi, kita tidak dapat menolak kenyataan bahawa ada golongan yang tidak bersetuju dengannya. Umpananya, seorang sarjana tempatan ⁽²⁾ menggugurkan sama sekali pendapat di atas dengan berbagai alasan. ⁽³⁾

Untuk meletakkan kedua pendapat ke tempat yang wajar, kita perlu penganalisaan dalam segala segi. Sebelum perbincangan selanjutnya, adalah lebih baik mengetahui konsep demokrasi terlebih dulu supaya apa yang akan dikemukakan nanti tidak terkeluar dari garis batas definasi tersebut.

(1) Abd. Rahaman Nohamad, Dasar-dasar Adat Perpatih. Pustaka Antara, K. Lumpur, 1964 hal. 2.

(2) Shamsul Anri b. Baharuddin, seorang pensyarah di Jabatan Sosiologi dan Antropologi, U.K.M. Bangi, Selangor.

(3) Lihat - Shamsul Anri b. Baharuddin, 'Politik Adat Perpatih' dalam Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri, N/Sembilan, pada 10 - 12hb April, 1974.

Konsep Demokrasi

Dalam pentafsiran umum, demokrasi merupakan satu cara hidup dalam sesebuah masyarakat di mana setiap individu di dalamnya, mempunyai hak dan peluang yang sama apabila mengambil bahagian atau bertindak dalam sesuatu hal berpandukan nilai dan norma masyarakat itu. (1)

Secara ringkas, dapat dirumuskan bahawa anggota dalam suatu masyarakat berhak membuat keputusan atas suatu perkara yang melibatkan kedudukan mereka. Jadi, ciri terpenting ialah hak dan peluang yang sama, dalam bentuk kebebasan di mana individu bebas bersuara, memilih dan bertindak demi kepentingan bersama. Konsep demokrasi lebih jelas penggunaannya khusus dalam pembentukan pemerintah.

Dalam sisten politik masyarakat Adat Perpatih, terutama dalam aspek pemilihan pemimpin, ciri-ciri tersebut memang wujud. Ciri demokrasi terkandung dalam konsep 'kebulatan suara' dan 'muafakat'. Dalam sisten perlintikan Buapak, Lembaga, Undang dan Yang DiPertuan Besar, kebulatan suara dari berbagai peringkat adalah perlu. Dan perkara ini tidak menimbulkan masalah kerana masing-masing sudah

(1) Gould and Kolb, A Dictionary of Social Sciences, Tavistock. Publication, London, 1964, hal 187 - 188.

bersedia. Sasada anak bush atau pembesar lain, mereka lebih adil dan teliti dalam membuat keputusan kerana dalam masyarakat adat Perpatih, interaksi antara mereka terlalu irat. Oleh itu, mereka lebih arif akan segala segi latar belakang pemimpin yang akan dilantik. Misalnya, mengikut peraturan giliran, individu A memang berhak mewarisi jawatan, tapi pada pandangan dan penilaian anak bush, dia tidak layak kerana latar belakang keluarga dan sehalahnya (personaliti) tidak baik,⁽¹⁾ maka secara otomatis dia tidak akan dilantik. Di sini letaknya demokrasi tadi, walaupun ada badan pemilih, tapi pendapat umum masih dikehendaki.

Dalam perlintikan Undang di Empat-empat luar, tidak dapat disangkal lagi bahawa suku Biduandah yang berhak mutlak mewarisi jawatan ini kerana Biduanda merupakan suku peribumi di Negeri Sembilan. Sedangkan suku lain adalah orang pendatang yang terdiri dari peneroka Minangkabau, Melaka dan Aceh.⁽²⁾ Oleh itu, setiap calon Undang mesti datang dari suku Biduanda dan dari perut tertentu pula. Contohnya di Rembau, hanya perut Lela Maharaja dan Sedia Raja, di Johol, perut Johol dan Gemenchah sementara di Jelabu, waris Ulu Jelabu, Sarin dan Kamin. Di sekitar golongan dan perut inilah Undang

(1) Bermaksud, pernah melakukan kesalahan yang bertentangan dengan adat.

(2) Hooker, H.S., op cit, hal. 21.

dilantik menurut giliran.

Dari struktur demikian, pernah timbul persoalan bahawa pemilihan cara ini tidak lagi demokratik kerana sudah dipengaruhi unsur 'ascribed' dan muafakat yang hanya berlaku di kalangan orang-orang yang dipilih dan bukan dari orang ramai. (1) Pada pendapat saya, ini mungkin ada kebenarannya. Tapi, harus diingat syarat pemilihan ini memang sudah ditetapkan dalam hukum adat di luar masing-masing. Tidak seorang pun yang boleh meminda. Namun demikian, ciri-ciri demokrasi masih tetap ada kerana konsep kebulatan masih tetap wujud sekalipun datangnya dari kelompok yang kecil. Lagipun masyarakat di luar suku Biduanda itu bersedia dan setuju menerima pimpinan dari suku Biduanda. Selama ini, kita tidak pernah mendengar tentangan dari golongan masyarakat di luar suku Biduanda terhadap kepimpinan suku Biduanda. Sebenarnya, mereka lebih arif tentang kedudukan masing-masing di sisi adat.

Seperkara lagi yang menjadikan Adat Perpatih itu mengandungi ciri-ciri demokrasi ialah kekuasaan anak buah yang boleh memecat pemimpin sekiranya pemimpin tersebut melakukan kesalahan. Sejauh

(1) Shamsul Amri b. Baharuddin, 'Politik Adat Perpatih' dalam Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia N/Sembilan, 10 - 12hb April, 1979 hal. 10

ini, (di tempat kajian penulis) belum ada pemimpin yang terpecat.

Ini kerana kesempurnaan dan kelayakan seorang pemimpin telah diukur terlebih dulu. Sungguhpun pada hakikatnya, ciri-ciri demokrasi itu

wujud dan murni tapi pada amalnya, kita tidak dapat melakukan

sesuatu arahan itu secara seratus peratus. Kita harus menyedari hal

ini. Oleh itu, dalam sistem adat Perpatih, kita tidak boleh ikuti

ciri-ciri demokrasi itu secara keseluruhan.

Sebagai kesimpulan, saya bersetuju untuk mengatakan bahawa pemilihan pemimpin masyarakat Adat Perpatih berasaskan demokrasi.

Dalam usaha untuk melahirkan keharmonian, masyarakat Adat Perpatih

sentiasa bersatu padu dan bermufakat meskipun ia hanya melibatkan

segelintir masyarakat.

LAMPIRAN 1

SENARAI PENYANDANG-PENYANDANG
PUSAKA UNDANG REMBAU

BIL	TAHUN	NAMA	WARIS	KAMPUNG
1.	1540-1555	Datuk Lela Maharaja Seri Rama	Jakun	Kota
2.	1555-1605	Datuk Onbo	Jawa	-
3.	1605-1620	Datuk Langgang	Jakun	Kota
4.	1620-1645	Datuk Pandak	Jawa	Kg. Tengah
5.	1645-1660	Datuk Usmu (Puteh kepala)	Jakun	Kg. Chengkau
6.	1660- ?	Datuk Sagah	Jawa	-
7.	?	Datuk Kurap	Jawa	-
8.	? -1750	Datuk Sabat	Jawa	-
9.	1750-1790	Datuk Lulinsch	Jakun	Kg. Chengkau
10.	1790-1795	Datuk Pekat	Jawa	Kg. Tengah
11.	1795-1812	Datuk Kusil	Jakun	Kg. Tebat
12.	1812-1819	Datuk Bogok	Jawa	Kg. Bukit
13.	1819-1838	Datuk Ngenit	Jakun	Kg. Chengkau
14.	1838-1871	Datuk Akhir	Jawa	Kg. Pulau
15.	1871-1883	Datuk Hj. Sahil	Jakun	Kg. Chengkau
16.	1883-1905	Datuk Serun b. Saidin	Jawa	Kg. Tengah
17.	1905-1922	Datuk Hj. Sulong Miah	Jakun	Kg. Gekung
18.	1922-1938	Datuk Abdullah b. Hj. Dahan	Jawa	Kg. Tanjung
19.	1938-1962	Dt.Hj.Ippap b. Abdullah	Jakun	Kg. Kota
20.	1963-	Dt.Hj.Adnan b. Masih	Jawa	Kg. Bukit

Petikan dari A. Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Utusan Melayu, K.L. 1968.

* Senarai ini tidak begitu tepat terutama pada tarikh dan nama
kerana tiada peringatan bertulis dijumpai.

Bibliografi

Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Pencetakan Utusan Melayu, K. Lumpur 1968.

Abdul Rahman b. Muhammad, Dasar-dasar Adat Perpatih,
Pustaka Antara, K. Lumpur 1964.

Abbas b. Hj. Ali, Manbau, Sejarah Perlambangan dan Adat Istiadatnya,
Pencetakan Pertama, Kerajaan Johor, 1953.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia,
Penerbit Universiti Malaya, K. Lumpur, 1973.

A.M. Dabik Marican Batusih & D.M. Bugindo Tanamah, Adat Adat dan
Adat Minangkabau, Penerbit N.V. Pustaka Aseli, Djakarta, 1957.

Gould & Kolb, A Dictionary of Social Sciences,
Tavistock Publication, London 1964.

Hocker, M.B., Adat Law in Modern Malaya,
Oxford University Press, K. Lumpur, 1972.

Hocker, M.B., Reading in Malay Adat Law,
Singapore University Press, Singapore, 1970.

Josselin de Jong, P.E., Minangkabau and Negeri Sembilan,
The Hague, 1951.

Lister, Martin The Negeri Sembilan, Their Origin and Constitution,
Government Printing, Singapore. (JSEMAS, vol. XIV, 1967).

M.D. Mansoor, Sedjarah Minangkabau, Ehratera,
Djakarta, 1970.

M.A. Manafiah (Prof), Tinjauan Adat Minangkabau, 1970.

Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih,
Utusan Melayu Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1975.

Syed Hussein Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia,
Penerbit Pajar Bakti Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1977.

Swift, M.G. Malay Peasant Society in Jelohu,
The Anthlone Press, New York, 1965.

Milkinson R.J., Papers on Malay Subject,
Oxford University Press, K. Lumpur, 1971.

Rujukan dari thesis dan Kertas Kerja

Kamariah Sabih, "Penyesuaian dalam Adat Perpatih"
Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.)
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, K. Lumpur, 1967.

Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara",
Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Sastera (H.A.)
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, K. Lumpur, 1969.

Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih,
Anjuran Majlis Balia Negeri,
Seremban, Negeri Sembilan yang berlangsung pada 10 - 12 April, 1974.

Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970.